

PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA UNTUK PRINCIPAL FTSE ASEAN 40 MALAYSIA ETF

Pengurus : Principal Asset Management Berhad (199401018399 (304078-K))

Pemegang Amanah : HSBC (Malaysia) Trustee Berhad (193701000084 (1281-T))

Prospektus Tambahan Kedua ini bertarikh 18 November 2024 dan hendaklah dibaca bersama Prospektus Terbitan No. 2 bertarikh 30 September 2019 sebagaimana dipinda oleh Prospektus Tambahan Pertama bertarikh 28 Julai 2023 untuk Principal FTSE ASEAN 40 Malaysia ETF (“Prospektus”).

Dana ini telah dibentuk pada 19 April 2010.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah meluluskan penyenaian dan sebut harga untuk Unit-unit Principal FTSE ASEAN 40 Malaysia ETF di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan salinan Prospektus Tambahan Kedua ini telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kelulusan, dan pendaftaran Prospektus Tambahan Kedua ini tidak harus dianggap bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan Dana ini atau bertanggungjawab untuk ketepatan sebarang kenyataan yang dibuat, pendapat yang dinyatakan atau laporan yang terkandung di dalam Prospektus atau Prospektus Tambahan Kedua ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak, di dalam apa jua cara, menimbangkan merit sekuriti yang ditawarkan untuk pelaburan.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pendedahan yang tidak dibuat oleh Pengurus yang bertanggungjawab ke atas Dana ini dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kandungan di dalam Prospektus Tambahan Kedua ini, tidak mewakili sebarang ketepatan atau kesempurnaannya, dan secara jelas menolak sebarang liabiliti terhadap kerugian yang mungkin anda tanggung yang terbit daripada atau bersandarkan kepada keseluruhan atau mana-mana bahagian Prospektus Tambahan Kedua ini.

Kemasukan ke dalam Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Berhad tidak sepatutnya diambil sebagai indikasi mengenai merit kepada tawaran, Dana atau Unitnya.

PELABUR DINASIHATKAN UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI ISI KANDUNGAN PROSPEKTUS DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA INI. JIKA TERDAPAT SEBARANG KERAGUAN, SILA DAPATKAN KHIDMAT NASIHAT PROFESIONAL.

UNTUK MAKLUMAT BERKENAAN FAKTOR-FAKTOR RISIKO TERTENTU YANG PERLU DIAMBIL KIRA OLEH BAKAL PELABUR, SILA LIHAT “FAKTOR RISIKO” YANG BERMULA DI HALAMAN 10 PROSPEKTUS DAN HALAMAN 3 PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA.

PENTING: PRINCIPAL FTSE ASEAN 40 MALAYSIA ETF ADALAH DANA DAGANGAN BURSA YANG DISENARAI DI PASARAN UTAMA BURSA SECURITIES BERHAD DAN JUGA MERUPAKAN DANA PERANTARA YANG MELABUR KESELURUHAN ASETNYA DALAM PRINCIPAL FTSE ASEAN 40, SEBUAH DANA DAGANGAN BURSA YANG DISENARAI DI SINGAPORE EXCHANGE SECURITIES TRADING LIMITED (“SINGAPORE FUND”). PELABUR ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA PEMEGANG UNIT DANA TIDAK MEMILIKI SEBARANG KEPENTINGAN LANGSUNG DI DALAM SINGAPORE FUND DAN DENGAN ITU TIDAK LAYAK MENGUNDI SEBAGAI PEMEGANG UNIT SINGAPORE FUND. DANA ADALAH PEMEGANG UNIT DALAM SINGAPORE FUND DAN AKAN MENGUNDI UNIT-UNIT MILIKNYA DALAM SINGAPORE FUND TERSEBUT TANPA PERLU MERUJUK KEPADA PEMEGANG UNIT DANA.

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

PENYATAAN TANGGUNGJAWAB

Para pengarah Principal Asset Management Berhad telah menyemak dan meluluskan Prospektus Tambahan Kedua ini. Mereka telah secara kolektif dan berasingan, menerima tanggungjawab sepenuhnya bagi ketepatan maklumat. Setelah membuat semua siasatan yang munasabah, dan berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan mereka, mereka mengesahkan bahawa tidak terdapat kenyataan palsu atau mengelirukan, atau ada fakta lain yang jika ditinggalkan, yang boleh menjadikan sebarang kenyataan di dalam Prospektus Tambahan Kedua ini menjadi palsu atau mengelirukan.

PENYATAAN TAMBAHAN

Anda adalah dimaklumkan bahawa anda boleh mendapatkan bantuan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ke atas pelanggaran undang-undang dan peraturan sekuriti termasuk sebarang kenyataan di dalam Prospektus Tambahan Kedua yang didapati palsu, mengelirukan, atau yang daripadanya terdapat ketinggalan yang material; atau bagi apa-apa perbuatan yang mengelirukan atau memperdayakan berkaitan dengan Prospektus Tambahan Kedua atau kelakuan mana-mana pihak lain yang berkaitan dengan Dana.

Sekuriti yang disenarai di Bursa Malaysia Securities Berhad ditawarkan kepada masyarakat awam berdasarkan pendedahan yang lengkap dan tepat berhubung kesemua maklumat material yang berkaitan dengan terbitan yang mana sesiapa yang dinyatakan di dalam Bahagian 236 *Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007*, seperti pengarah dan penasihat, adalah bertanggungjawab ke atasnya.

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

1.0. AM

- 1.1. Prospektus Tambahan Kedua ini diterbitkan untuk mencerminkan pindaan yang dibuat kepada Prospektus seperti yang dinyatakan dalam perenggan 1.4, 1.5, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11 dan 12 di bawah.
- 1.2. Semua terma yang digunakan di dalam Prospektus Tambahan Kedua ini mempunyai maksud yang sama seperti yang ditakrifkan pada Bab Definisi di dalam Prospektus melainkan di mana konteks memerlukan sebaliknya.
- 1.3. Kecuali dan melainkan untuk perenggan 1.5, 2.1, 2.2, 3.2, 3.3, 3.4, 4.1, 4.2, 5.1, 8.1, 9.1 dan 11.1, semua maklumat yang disediakan di sini adalah boleh dilaksanakan setakat 31 Ogos 2024 dan akan kekal sebagai semasa dan relevan setakat tarikh tersebut. Pindaan yang dinyatakan pada perenggan 1.5, 2.1, 2.2, 3.2, 3.3, 3.4, 4.1, 4.2, 5.1, 8.1, 9.1 dan 11.1 akan berkuat kuasa pada tarikh Prospektus Tambahan Kedua ini.
- 1.4. Semua rujukan kepada "service@principal.com.my" di dalam Prospektus akan dipinda kepada "myservice@principal.com".
- 1.5. Semua rujukan kepada Deutsche Trustees Malaysia Berhad di dalam Prospektus akan digantikan oleh HSBC (Malaysia) Trustee Berhad.

2.0. DEFINISI

- 2.1. Definisi "DBMB" dan "DTMB atau Pemegang Amanah" di bawah "**Definisi**" pada halaman vii akan dipadam sepenuhnya.
- 2.2. Definisi "HSBCT atau Pemegang Amanah" dan "Kumpulan HSBC" akan ditambah kepada bahagian "**Definisi**" pada halaman viii:

HSBCT atau Pemegang Amanah	:	HSBC (Malaysia) Trustee Berhad.
Kumpulan HSBC	:	HSBC Holdings plc, subsidiarinya, badan korporat berkaitan, entiti dan syarikat bersekutu dan mana-mana cawangan mereka.

3.0. DIREKTORI KORPORAT

- 3.1. Maklumat korporat mengenai "Pengurus" di bawah bahagian "**Direktori Korporat**" pada halaman xiii telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

PENGURUS	:	Principal Asset Management Berhad
Alamat Perniagaan dan Berdaftar	:	Aras 32, Exchange 106, Lingkaran TRX 55188 Tun Razak Exchange Kuala Lumpur, Malaysia
		No. Tel: (+603) 8680 8000 Laman Sesawang: www.principal.com.my E-mel: myservice@principal.com

Pusat Khidmat Pelanggan
Aras 31, Exchange 106, Lingkaran TRX
55188 Tun Razak Exchange
Kuala Lumpur, Malaysia

No. Tel: (+603) 7723 7260
Whatsapp: (+6016) 299 9792

- 3.2. Maklumat korporat mengenai "Pentadbiran Dana dan Penyedia Perkhidmatan Perakaunan Dana" di bawah bahagian "**Direktori Korporat**" pada halaman xiii akan digantikan dan dibaca seperti berikut:

PENTADBIRAN DANA DAN PENYEDIA PERKHIDMATAN PERAKAUNAN DANA (Wakil Pengurus)	:	HSBC (Malaysia) Trustee Berhad
Alamat Perniagaan dan Berdaftar	:	Aras 19, Menara IQ, Lingkaran TRX 55188 Tun Razak Exchange Kuala Lumpur, Malaysia

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

No. Tel No: (+603) 2075 7800
No. Faks: (+603) 8894 2611
E-mel: fs.client.services.myh@hsbc.com.my

- 3.3. Maklumat korporat mengenai “Pemegang Amanah” di bawah bahagian “**Direktori Korporat**” pada halaman xiii akan digantikan dan dibaca seperti di bawah:

PEMEGANG AMANAH : HSBC (Malaysia) Trustee Berhad

Alamat Perniagaan dan Berdaftar : Aras 19, Menara IQ, Lingkaran TRX
55188 Tun Razak Exchange
Kuala Lumpur, Malaysia

No. Tel: (+603) 2075 7800
No. Faks: (+603) 8894 2611
E-mel: fs.client.services.myh@hsbc.com.my

- 3.4. Maklumat korporat mengenai “Kustodian” di bawah bahagian “**Direktori Korporat**” pada halaman xiii akan digantikan dan dibaca seperti di bawah:

KUSTODIAN
(Wakil Pemegang Amanah untuk aset asing) - : The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Limited (sebagai kustodian global)

Alamat Perniagaan dan Berdaftar : 6/F, Tower 1,
HSBC Centre,
1 Sham Mong Road, Hong Kong
No. Tel: (+852) 2288 1111

(Wakil Pemegang Amanah untuk aset tempatan) - : The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Limited (sebagai sub-kustodian) dan aset dipegang melalui HSBC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd

Alamat Perniagaan dan Berdaftar : Aras 21, Menara IQ
Lingkaran TRX
55188 Tun Razak Exchange
Kuala Lumpur, Malaysia
No. Tel: (+603) 2075 3000
: No. Faks: (+603) 8894 2588

(Wakil Pemegang Amanah untuk aset tempatan) - : The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Limited (sebagai sub-kustodian) dan aset dipegang melalui HSBC Bank Malaysia Berhad

Alamat Perniagaan dan Berdaftar : Aras 21, Menara IQ
Lingkaran TRX
55188 Tun Razak Exchange
Kuala Lumpur, Malaysia
No. Tel: (+603) 2075 3000
No. Faks: (+603) 8894 2588

4.0. RINGKASAN MAKLUMAT

- 4.1. Maklumat mengenai “Pemegang Amanah” di bawah bahagian “**Ringkasan Dana**” pada halaman 4 akan diganti dan dibaca seperti di bawah:

Pemegang Amanah : HSBC (Malaysia) Trustee Berhad 9

- 4.2. Maklumat di bawah bahagian “**Fi dan caj tidak langsung perlu dibayar oleh anda**” pada halaman 5 akan diganti dan dibaca seperti di bawah:

Jadual ini menghuraikan fi dan caj yang mungkin anda tanggung secara tidak langsung apabila anda melabur dalam Dana:

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

Fi dan perbelanjaan	%
Fi Pengurusan	Tiada
Fi Pemegang Amanah	Sehingga 0.045% ⁽¹⁾

Nota:

⁽¹⁾ Dikira berdasarkan NAB Dana, terakru secara harian.

Selain itu, terdapat fi atau caj lain yang ditanggung oleh Dana seperti dinyatakan pada Bahagian 5.3.3 Prospektus ini.

Kesemua fi dan caj yang dinyatakan di atas akan ditolak dari Aset Dana.

- 4.3. Perenggan pertama di bawah bahagian “**Maklumat Lain**” pada halaman 9 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

Berhubung dengan Dana, surat ikatan bertarikh 19 April 2010 sebagaimana dipinda oleh surat ikatan tambahan pertama bertarikh 2 Ogos 2019 dan surat ikatan tambahan kedua bertarikh 31 Mei 2023 yang dimeterai di antara Pengurus dan Deutsche Trustees Malaysia Berhad dan surat ikatan tambahan ketiga bertarikh 24 Julai 2024 yang dimeterai di antara Pengurus, Deutsche Trustees Malaysia Berhad dan HSBC (Malaysia) Trustee Berhad. Peruntukan yang terkandung di sini adalah dan akan saling mengikat ke atas setiap Pemegang Unit selagi Pemegang Unit tersebut didaftarkan sebagai orang yang memegang Unit menurut Surat Ikatan.

- 4.4. Perenggan kelapan di bawah bahagian “**Maklumat Lain**” pada halaman 9 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

Seandainya anda ingin menghantar surat, sila alamatkan surat anda ke:

Principal Asset Management Berhad
Pusat Khidmat Pelanggan
Aras 31, Exchange 106, Lingkaran TRX
55188 Tun Razak Exchange
Kuala Lumpur, Malaysia

5.0. FI, CAJ DAN PERBELANJAAN DANA

- 5.1. Maklumat di bawah bahagian “**Fi dan perbelanjaan tidak langsung kepada anda**” pada halaman 34 akan diganti dan dibaca seperti di bawah:

Jadual ini menghuraikan fi dan perbelanjaan yang mungkin anda tanggung secara tidak langsung apabila anda melabur dalam Dana:

Fi dan perbelanjaan	%
Fi Pengurusan	Tiada
Fi Pemegang Amanah	Sehingga 0.045% ⁽¹⁾

Nota:

⁽¹⁾ Dikira berdasarkan NAB Dana, terakru secara harian.

Selain itu, terdapat fi atau perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Dana seperti dinyatakan pada Bahagian 5.3.3 Prospektus ini.

Kesemua fi dan perbelanjaan yang dinyatakan di atas akan ditolak dari Aset Dana.

6.0. UNIT-UNIT DANA

- 6.1. Perenggan ketiga di bawah bahagian “**Pengiraan Harga Terbitan, Harga Penebusan dan IOPV setiap Unit**” pada halaman 45 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

IOPV setiap Unit dikira hampir kepada masa-nyata pada setiap Hari Dagangan untuk dijadikan sebagai anggaran kepada NAB Dana. IOPV setiap Unit, yang merupakan anggaran NAV Seunit, dikira seperti di bawah:

(i) jumlah nilai pasaran Dana, termasuk aset cair (dalam Ringgit Malaysia); dan

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

- (ii) membahagikan jumlah yang diperolehi daripada pengiraan di bawah sub-perenggan (i) di atas dengan bilangan Unit-unit yang membentuk Dana.

Nota: Angka untuk sub-perenggan (i) di atas diterjemahkan menggunakan kadar tukaran asing sedia ada seperti yang disebutbarga oleh penyedia khidmat maklumat diiktiraf yang ditentukan oleh Pengurus.

- 6.2. Perenggan keempat di bawah bahagian “**Pengiraan Harga Terbitan, Harga Penebusan dan IOPV setiap Unit**” pada halaman 45 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

Maklumat mengenai IOPV setiap Unit akan tersedia kepada pelabur pada selang masa yang hampir dengan masa nyata pada setiap Hari Dagangan yang boleh diperolehi di laman sesawang Bursa Sekuriti di www.bursamalaysia.com dan di laman sesawang kami di www.principal.com.my.

7.0. PENGURUS

- 7.1. Maklumat di bawah bahagian “**Kakitangan utama Pengurus**” pada halaman 48 dan 49 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

8.3 Kakitangan utama Pengurus

Jadual di bawah menyatakan maklumat mengenai kakitangan utama Principal Malaysia setakat 31 Ogos 2024. Maklumat di dalam jadual di bawah adalah tertakluk kepada perubahan. Anda dinasihatkan agar melayari laman sesawang kami di www.principal.com.my dan rujuk ke laman “Kepimpinan”, yang dipaparkan di bawah “Mengetahui Principal”.

Nama:	Munirah Khairuddin
Umur:	49
Jawatan:	Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia & Syariah Global & Pengarah Urusan, Pengedaran Strategik & Perhubungan Pelanggan Institusi (Asia Tenggara dan Syariah Global)
Kelayakan:	Munirah merupakan pemegang carter Penganalisis Kewangan Bertauliah dan memiliki Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal untuk pengurusan dana. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Perakaunan & Analisis Kewangan, University of Newcastle UK.
Pengalaman, tugas dan bidang kepakaran atau tanggungjawab di dalam Principal Malaysia	<p>Munirah menyertai Principal pada November 2006 dan dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (“CEO”) dan Pengarah Eksekutif Malaysia pada Mei 2013. Beliau telah memainkan peranan penting dalam memimpin syarikat untuk mengembangkan asetnya di bawah pengurusan (AUM), memperdalam kepimpinan runcitnya dengan tumpuan baru dalam ruang persaraan swasta dan penyelesaian digital yang inovatif untuk memberi manfaat kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang kewangan mereka, dan mengekalkan pengurusan risiko dan prestasi pelaburan yang konsisten. Di bawah kepimpinannya, Principal Malaysia telah memulakan perjalanan penting dalam memenuhi komitmennya ke arah Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG).</p> <p>Tanggungjawab Munirah untuk Principal terus berkembang. Pada bulan Mac 2023, Munirah dilantik sebagai Ketua Perniagaan Global Islam untuk Principal, dan baru-baru ini beliau dilantik sebagai Pengarah Urusan Pengedaran Strategik & Perhubungan Pelanggan Institusi (Asia Tenggara & Syariah Global) untuk Principal Asia Tenggara, memantau perhubungan pelanggan institusi dan pengedaran strategik utama.</p> <p>Sebelum Principal, Munirah berkhidmat sebagai ahli ekonomi dan ahli strategi G7 untuk syarikat minyak dan gas multinasional Fortune 500. Sebelum itu, beliau adalah pengurus portfolio pendapatan tetap untuk pasaran baru muncul di Rothschild Asset Management di London.</p> <p>Munirah telah diiktiraf sebagai Asset Management CEO of the Year Malaysia 2024 oleh Global Banking & Finance Awards. Munirah juga diiktiraf sebagai CEO of the Year, Malaysia dalam Asia Asset Management’s 2015 dan Best of the Best Awards 2014. Munirah juga telah dipilih sebagai salah seorang penerima anugerah “Top 25 Women of Asset Management” oleh AsianInvestor pada 2014.</p>

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

Nama:	Lee Chun Hong
Umur:	43
Jawatan:	Ketua Pegawai Pelaburan, Ekuiti - Malaysia
Kelayakan:	<ul style="list-style-type: none"> • Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan & Kewangan) - Monash University, Clayton Campus. • Pemegang carter Penganalisis Kewangan Bertauliah. • Bekas ahli CPA Australia.
Pengalaman, tugas dan bidang kepakaran atau tanggungjawab di dalam Principal Malaysia	Lee Chun Hong berpengalaman lebih 19 tahun dalam pengurusan dana dan penyelidikan ekuiti. Beliau menyertai Principal Malaysia pada tahun 2017 untuk menguruskan dana unit amanah dan mandat institusi yang merangkumi pasaran Malaysia dan ASEAN. Sebelum itu, beliau berkhidmat dengan Libra Invest Bhd, mengurus dan menyelia Unit Amanah dan bahagian Penyelidikan yang meliputi pasaran ASEAN dan China-Hong Kong. Beliau memulakan kerjayanya dalam industri pengurusan dana di Public Mutual Bhd. Beliau mempunyai tanggungjawab penyelidikan untuk sektor perladangan dan pengguna serantau, serta rangkuman penyelidikan negara bagi pasaran ASEAN. Kemudian, beliau beralih ke pengurusan portfolio, pengkhususan dalam pasaran ASEAN. Beliau mula menyediki dan memantau pasaran ASEAN pada tahun 2010. Beliau juga pernah berkhidmat dengan PricewaterhouseCoopers sebagai juruaudit.

Nama:	Nadia Bakar
Umur:	38
Jawatan:	Ketua, Pematuhan
Kelayakan:	Nadia merupakan Pegawai Integriti Bertauliah dengan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia danberkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan / Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Ijazah Berkembar) dari University of Queensland.
Pengalaman, tugas dan bidang kepakaran atau tanggungjawab di dalam Principal Malaysia	Nadia berpengalaman lebih 12 tahun dalam industri pasaran modal dengan tumpuan kepada tadbir urus, integriti dan risiko. Beliau arif dalam menyediakan perkhidmatan nasihat undang-undang untuk pelbagai urus niaga berkaitan pasaran modal dan komersial dengan pengalaman dalam insdutri minyak & gas, pengurusan dana dan hartanah. Sebelum menyertai Principal Malaysia, beliau adalah penasihat undang-undang di Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) dan dilantik sebagai pakar untuk Etika & Integriti, bertanggungjawab untuk membangunkan kedudukan dasar dan strategi serta menyediakan nasihat undang-undang dan risiko untuk Kumpulan PETRONAS. Semasa bertugas dengan PETRONAS, beliau turut menguruskan operasi pematuhan termasuk aktiviti jaminan untuk portfolio korporat PETRONAS. Sebelum itu, Nadia berkhidmat dengan Suruhanjaya Sekuriti dan memegang pelbagai peranan dalam pejabat Ketua Pegawai Kawal Selia dan perniagaan kumpulan Pengantara dan Penyediaan Dana.

7.2. Maklumat di bawah bahagian “**Ahli Lembaga Pengurus**” pada halaman 50 hingga 54 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

8.4 Ahli Lembaga Pengurus

Setakat 31 Ogos 2024, Lembaga Pengarah terdiri dari lapan (8) ahli termasuk tiga (3) Pengarah Bebas. Lembaga Pengarah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun.

Lembaga Pengarah menyelia pengurusan dan operasi Principal Malaysia dan menguatkuasakan standard perakaunan termasuk proses pelaporan kewangan dan pengurusan risiko Principal Malaysia. Ia juga memastikan pematuhan Principal Malaysia ke atas semua undang-undang, peraturan dan garis panduan yang berkaitan.

Jadual di bawah menyatakan maklumat mengenai ahli Lembaga Pengarah setakat 31 Ogos 2024. Maklumat di dalam jadual di bawah adalah tertakluk kepada perubahan. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang kami di www.principal.com.my dan merujuk ke laman “Kepimpinan” yang dipaparkan di bawah “Mengenai Principal”.

Nama:	Cheong Wee Yee, Thomas
Umur:	56
Jawatan:	Pengarah Bukan-Bebas Bukan-Eksektif

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

Kelayakan:	1990 – Ijazah Sarjana Muda Sains (Ekonomi), Kejujiaan Kelas Pertama, London School of Economics, University of London. 2013 – Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Olin Business School, Washington University di St. Louis.
Pengalaman:	Dis 2004 – Jun 2008: Prudential Corporation Asia – Ketua Pegawai Operasi & Ketua Pegawai Kewangan, CITIC Prudential Fund Management Co. Ltd. (berpengkalan di Shanghai) Jun 2008 – Mac 2009: Prudential Corporation Asia – Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, CITIC Prudential Fund Management Co. Ltd. (berpengkalan di Shanghai) April 2009 – September 2009: Prudential Corporation Asia – Ketua Pegawai Eksekutif, Prudential Fund Management Co. Ltd. (berpengkalan di Malaysia) Oktober 2009 – Julai 2013: Manulife Financial Limited – Timbalan Presiden, China Asset Management (berpengkalan di Shanghai) Julai 2013 – Disember 2014 Manulife Financial Limited – Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif, Manulife Asset Management Co. Ltd. (Taiwan) Januari 2015 – Februari 2017 Principal Financial Group – Timbalan Presiden, Ketua Asia Utara Mac 2017 – Februari 2019 Principal Financial Group – Timbalan Presiden Kanan, Ketua Asia Utara Mac 2019 – Disember 2020 Principal Financial Group – Timbalan Presiden Kanan & Presiden Asia Januari 2021 – Sekarang Principal Financial Group – Timbalan Presiden Eksekutif & Presiden Asia Pasifik & Timur Tengah

Nama:	Lai Mee Fong
Umur:	50
Jawatan:	Pengarah Bukan-Bebas Bukan-Eksekutif
Kelayakan:	<ul style="list-style-type: none"> • Akauntan Berkanun (CA) Institut Akauntan Malaysia (MIA). • Pengamal Akauntan Bertauliah dari CPA Australia. • Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Perakaunan), RMIT University, Melbourne, Australia.
Pengalaman:	<p>Mee Fong, kini Ketua Pegawai Kewangan (“CFO”) Touch’n Go Sdn Bhd (anak syarikat milik penuh Kumpulan CIMB), yang menyediakan penyelesaian pembayaran elektronik tanpa sentuhan kepada ekosistem pengangkutan di seluruh negara dan merupakan penerbit e-wang terbesar di negara ini. Mandat beliau dari CIMB termasuk bekerjasama dengan CEO untuk terus mengembangkan francais Touch’n Go Sdn Bhd dan memacu strategi transformasi kewangan.</p> <p>Sebelum menjawat jawatan terkini, Mee Fong merupakan Pengarah Urusan di CIMB dan memegang peranan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) di CIMB Digital Assets Sdn Bhd, di mana beliau bertanggungjawab terhadap perancangan dan pengurusan kewangan secara keseluruhan bagi semua pelaburan strategik digital Kumpulan CIMB, termasuk francais Touch’n Go dan operasi bank digital di Filipina dan Vietnam. Kepakaran beliau merangkumi penasihat kewangan, perancangan dan penstrukturan cukai, analisis kewangan, pengurusan risiko dan pengurusan pematuhan. Beliau bekerja dengan perniagaan dalam semua spektrum termasuk belanjawan dan unjuran, pemodelan kewangan, perancangan cukai dan modal, penstrukturan, pengurusan risiko, pematuhan dan pengurusan audit. Beliau bertanggungjawab untuk simulasi kewangan peringkat Kumpulan, aset berjawaran risiko dan penilaian impak modal bagi setiap pelaksanaan korporat, inisiatif/projek kumpulan termasuk perancangan pemuliharaan, simulasi ujian tekanan, pelaksanaan model Kerugian Kredit Dijangka dan pelbagai inisiatif utama</p>

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

	<p>termasuk penyelesaian dan penggabungan Lejar Am. Beliau memainkan peranan penting dalam melancarkan rangka kerja Risiko Operasi Kumpulan di seluruh portfolio CDA dan terlibat secara aktif dalam semua jawatankuasa risiko dan audit.</p> <p>Mee Fong terlibat dalam profesion perakaunan selama lebih daripada 25 tahun. Beliau memulakan kerjayanya dengan PricewaterhouseCoopers, terlibat dalam pelbagai tugas berkaitan jaminan dan nasihat untuk pelanggan dari spektrum industri yang luas. Beliau mengumpul pengalaman berharga melalui amalan profesionalnya hasil pendedahan kepada pelbagai jenis operasi perniagaan, penggabungan dan pengambilalihan dan transaksi korporat yang beliau kendalikan. Beliau menimba pengalaman berharga dalam pengawalseliaan semasa dipinjamkan ke Suruhanjaya Sekuriti pada tahun 2004 di mana beliau bertanggungjawab untuk memeriksa syarikat pengurusan aset selaras dengan Akta Industri Sekuriti. Kerjaya profesional beliau terus diperluaskan ke dalam industri ekuiti swasta ketika beliau menerima pelantikan sebagai sebagai Naib Presiden kewangan dalam salah satu pengurus dana ekuiti swasta terbesar yang berpengalaman di Asia Tenggara, Tael Partners, yang memiliki dana di bawah pengurusan bernilai lebih dari USD1 bilion. Dalam peranan khusus itu, beliau telah memperolehi kepakaran kewangan dalam perjanjian penstrukturkan, model penilaian, pelaburan dan strategi keluar.</p> <p>Mee Fong berkhidmat sebagai ahli lembaga pengarah Capital Advisors Partners dan merupakan ahli aktif dalam Jawatankuasa Pelaburan dana infrastruktur yang menguruskan aset di seluruh Asia termasuk Malaysia, Indonesia, Pakistan, Filipina dan Vietnam. Baru-baru ini, beliau telah dilantik ke lembaga pengarah Principal Islamic Asset Management dan Principal Malaysia.</p>
--	--

Nama:	Uday Jayaram
Umur:	56
Jawatan:	Pengarah Eksekutif Bukan-Bebas
Kelayakan:	Uday memiliki Ijazah BSc Ekonomi dengan pengkhususan dalam Perakaunan dan Kewangan London School of Economics dan merupakan Akauntan Berkanun bertauliah dengan Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW).
Pengalaman:	Uday berpengalaman selama 30 tahun dalam bidang audit, perundingan pengurusan, penyelidikan ekuiti, penjualan institusi, pasaran modal, perniagaan bursa dan yang terkini, di industri huluhan minyak dan gas. Beliau memulakan kerjayanya dengan kumpulan institusi kewangan dalam bahagian audit Ernst and Young, London. Selain beberapa pelanggan global seperti HSBC, Kumpulan ABB dan IKEA, Uday berpeluang menimba pengalaman dalam projek-projek untuk Bank Dunia yang termasuk penstrukturkan semula bank di Kazakhstan. Sekembalinya ke Malaysia, pengalaman penyelidikan ekuiti dan jualan Uday menyaksikan beliau menyertai Deutsche Morgan Grenfell, CIMB, ING Financial Markets dan Macquarie Capital Securities di mana beliau merupakan Pengarah Bahagian dan Ketua Ekuiti Perniagaan Malaysia. Berpindah ke Bursa Securities, Uday adalah Ketua Global Pasaran Sekuriti dengan tanggungjawab menyeluruh bagi pembangunan perniagaan ekuiti tunai bursa tersebut. Uday juga berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Peserta Pasaran Bursa dan menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Indeks FTSE Bursa. Sebelum menyertai Principal Malaysia, Uday adalah Timbalan Presiden Kanan Pembangunan Korporat di Hibiscus Petroleum Bhd di mana beliau terlibat dalam strategi korporat, perancangan perniagaan, pembiayaan hutang dan ekuiti serta hubungan pelabur.

Nama:	Munirah Khairuddin
Umur:	49
Jawatan:	Pengarah Eksekutif Bukan-Bebas
Kelayakan:	Sila rujuk pada bahagian “Kelayakan” mengenai Munirah Khairuddin pada bahagian 8.3 di atas.
Pengalaman:	Sila rujuk pada bahagian “Pengalaman, tugas dan bidang kepakaran atau tanggungjawab di dalam Principal Malaysia” mengenai Munirah Khairuddin pada bahagian 8.3 di atas.

Nama:	Mohd Haniz bin Mohd Nazlan
Umur:	41

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

Jawatan:	Pengarah Bukan-Bebas Bukan-Eksekutif
Kelayakan:	Haniz memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Sains Aktuari, London School of Economics and Political Science. Beliau juga adalah graduan Ijazah Sarjana dan Diploma Pasca Siswazah dalam Pelaburan & Kewangan Gunaan, kedua-duanya dari Financial Services Institute of Australasia. Beliau adalah Certified Financial Technician (CFTE) dan juga pernah mengikuti Program Pembangunan Kepimpinan di Harvard Business School.
Pengalaman:	<p>Haniz adalah Ketua Pegawai Strategi Kumpulan di CIMB, di mana beliau mengawalselia Strategi, Prestasi dan Pengurusan Program Kumpulan, Pengalaman Pelanggan Kumpulan, Transformasi Perjalanan Pelanggan, Kewangan Korporat Kumpulan dan Pengurusan Pelaburan serta Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Haniz berpengalaman lebih daripada 15 tahun dalam bidang strategi korporat, kewangan korporat, penggabungan dan pengambilalihan, pengurusan projek, portfolio dan pengurusan aset, ekuiti global, dan pelaburan hartanah.</p> <p>Sebelum menyertai CIMB pada April 2021, Haniz adalah Ketua Pegawai Pelaburan Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") dari Ogos 2019 di mana beliau bertanggungjawab ke atas semua fungsi pelaburan dan aktiviti dalam pengurusan portfolio pelaburan LTAT. Beliau memainkan peranan penting dalam merancang pelan pemulihan LTAT. Ini termasuk pelaksanaan pelan penstrukturan untuk portfolio pelaburan, penyusunan semula pasukan pelaburan serta memperkasakan dasar dan proses pelaburan utama, salah satunya termasuk penubuhan Rangka Kerja Peruntukan Aset Strategik ("SAA") Jangka Panjang LTAT.</p> <p>Sebelum LTAT, Haniz menghabiskan sebahagian besar kerjayanya di Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Beliau berkhidmat dalam pelbagai kapasiti di PNB, termasuk peranan penting di Pejabat Ketua Eksekutif Kumpulan, Jabatan Antarabangsa, Jabatan Peruntukan Aset Strategik dan Bahagian Pelaburan. Beliau memainkan peranan penting dalam memacu penubuhan Rangka Kerja SAA dan Pendapatan Tetap PNB, merancang model operasi global baharu PNB, memperluas dana unit amanah PNB ke pasaran global, dan memimpin transaksi penggabungan & pengambilalihan utama bagi Kumpulan PNB, di peringkat tempatan dan luar negara.</p>

Nama:	Yoon Mun Thim
Umur:	60
Jawatan:	Pengarah Bebas Bukan-Eksekutif
Kelayakan:	<ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Cambridge. • Sarjana Sastera (Kepujian) from Universiti Cambridge. • Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Cemerlang) dari Warwick Business School, Universiti Warwick. • Pemegang carter Penganalisa Kewangan Bertauliah.
Pengalaman:	<p>Yoon Mun Thim berpengalaman lebih daripada 28 tahun dalam industri kewangan, 19 tahun daripadanya dalam jawatan Ketua Pegawai Pelaburan ("CIO") di pelbagai syarikat insurans dan Pengurusan Aset. Selain peranan CIO, beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Eksekutif yang bertanggungjawab dalam pengurusan keseluruhan syarikat-syarikat berkenaan. Terbaharu, beliau adalah Ketua Pegawai Pelaburan Kumpulan di Great Eastern Life Assurance Co Ltd. Berpangkalan di Singapura, beliau bertanggungjawab untuk merumuskan strategi pelaburan dan pengurusan semua pelaburan dalam Kumpulan Great Eastern. Ia termasuk menguruskan pasukan pelaburan di pelbagai negara Asia.</p> <p>Yoon Mun Thim juga berkhidmat sebagai Pengarah di sebuah syarikat pengurusan aset di Singapura dan Ahli Jawatankuasa Pelaburan dalam pelbagai dana hartanah swasta dengan pelaburan di seluruh Asia.</p>

Nama:	Tan Sri Jaganath Derek Steven Sabapathy
Umur:	67
Jawatan:	Pengarah Bebas Bukan-Eksekutif

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

Kelayakan:	Ijazah Sarjana Sastera pengkhususan dalam Kewangan Korporat dan Perdagangan Antarabangsa dari Universiti Edinburgh, United Kingdom.
Pengalaman:	<p>Tan Sri Jaganath Derek Steven Sabapathy (“Tan Sri Jagan”) memiliki Ijazah Sarjana Sastera dengan pengkhususan dalam Kewangan Korporat dan Perdagangan Antarabangsa dari Universiti Edinburgh, United Kingdom pada tahun 1981. Selepas menamatkan pengajian pada 1981, beliau menyertai firma akauntan bertauliah terkemuka London, Price Waterhouse.</p> <p>Pada tahun 1984, Tan Sri Jagan kembali ke Malaysia dan menyertai KPMG Peat Marwick sebagai Pengurus. Dia diterima sebagai Rakan KPMG Malaysia pada tahun 1990. Semasa di KPMG Malaysia, beliau terlibat dalam pelbagai tugas yang merangkumi audit, penyiataan, perundingan pengurusan dan kewangan korporat di Malaysia, negara-negara ASEAN, Amerika Utara dan Eropah. Dia menganggotai pelbagai Jawatankuasa Antarabangsa KPMG termasuk jawatankuasa untuk Penggabungan dan Pengambilalihan, Penswastaan dan Perundingan Pengurusan. Beliau juga adalah seorang pemeriksa untuk peperiksaan profesional Persatuan Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (“MACPA”).</p> <p>Tan Sri Jagan meninggalkan KPMG Malaysia pada akhir 1994 untuk menyertai Benta Plantation Berhad sebagai Pengarah Eksekutif. Beliau meninggalkan Benta Plantation Berhad dan dilantik sebagai Pengarah Austral Lao Power Co Ltd pada tahun 1995. Beliau kemudiannya menyertai Prime Utilities Berhad dan Indah Water Konsortium Sdn Bhd, utiliti air kumbahan negara yang telah dikorporatkan di Malaysia pada tahun 1997, sebagai Pengarah Urusan kedua-dua syarikat, jawatan yang disandang hingga penghujung 1999. Dari tahun 1999 sehingga persaraannya pada akhir 2013, Tan Sri Jagan berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Kumpulan Bandar Raya Developments Berhad termasuk Mico Chipboard Berhad.</p> <p>Tan Sri Jagan kini merupakan Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Tribeca Real Estate Asset Management Sdn Bhd, sebuah syarikat pembangunan hartanah khusus. Beliau juga merupakan Pengarah Sime Darby Property Berhad. Tan Sri Jagan adalah Pengerusi Battersea Power Station Development Company Limited, pemaju projek pembangunan hartanah utama di London, England.</p>

Nama:	Liew Swee Lin
Umur:	55
Jawatan:	Pengarah Bebas Bukan-Eksekutif
Kelayakan:	Beliau memiliki Ijazah Sarjana Sains dalam Pemasaran Antarabangsa dari Universiti Strathclyde dan telah menyelesaikan Program Eksekutif Stanford di Stanford Graduate School of Business pada tahun 2017. Beliau adalah ahli Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia (FPAM), Institut Pengarah Singapura, dan Gabungan Pengarah Korporat Malaysia (MACD).
Pengalaman:	<p>Swee Lin merupakan seorang eksekutif lembaga pengarah kanan dengan pengalaman pengurusan lebih dari 29 tahun di rantau ASEAN, mencipta nilai pemegang saham dalam sektor media, perkhidmatan kewangan, dan e-dagang. Sejak 2007, beliau berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif di entiti perkhidmatan kewangan dan media di Malaysia.</p> <p>Buat masa ini, beliau merupakan Penasihat Luar kepada Bain & Company, sebuah firma perunding global, dan sebelumnya berkhidmat dengan Astro Malaysia Holdings Berhad (“Astro”), syarikat media pengguna terkemuka di ASEAN sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan. Beliau juga pernah menjadi Pengarah Eksekutif Astro Go Shop, usaha sama dengan GS Home Shopping Inc. Korea setelah beliau menerajui perluasan vertikal Astro ke dalam e-dagang di mana beliau telah menubuhkannya sebagai pasukan pengurusan perintis pada tahun 2015.</p> <p>Sebelum menyertai Astro, Swee Lin merupakan Timbalan Presiden Eksekutif di Perbankan Runcit Alliance Financial Group di Malaysia dan juga Pengarah Eksekutif Alliance Islamic Bank. Beliau juga pernah memegang jawatan kepimpinan kanan di Standard Chartered Bank dengan tanggungjawab ke atas Portfolio Pengurusan Kekayaan, Perbankan Keutamaan, Kad Kredit, dan Pinjaman Peribadi. Pada awal kerjayanya, beliau mendapat pendedahan industri pelbagai disiplin dalam barangan pengguna laris, insurans, makanan dan minuman, dan farmaseutikal semasa beliau</p>

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

	<p>menjadi ketua perniagaan serantau di Ogilvy One Worldwide, sebahagian daripada WPP PLC (FTSE 100), yang beroperasi di Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan Asia Pasifik.</p> <p>Sebagai pejuang tegar keusahawanan, beliau adalah sebahagian daripada rangkaian mentor Global Endeavor Inc., dengan kewujudan di 40 negara, yang bertujuan memacu keusahawanan global dengan memangkinkan pertumbuhan ekonomi melalui pementoran aktif.</p>
--	--

7.3. Maklumat di bawah bahagian “**Jawatankuasa Pelaburan**” pada halaman 54 hingga 57 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

8.5 Jawatankuasa Pelaburan

Setakat 31 Ogos 2024, Jawatankuasa Pelaburan terdiri dari lima (5) ahli termasuk dua (2) ahli bebas. Secara amnya, Jawatankuasa Pelaburan bermesyuarat sekali sebulan dan bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan pelaburan Dana adalah konsisten dengan objektif Dana, Surat Ikatan, Garis Panduan ETF, undang-undang sekuriti yang berkaitan dan sebarang dasar dan sekatan pelaburan dalaman Pengurus, serta amalan pengurusan pelaburan yang diterima dan berkesan dalam industri unit amanah. Dalam peranan ini, kuasa dan tanggungjawab Jawatankuasa Pelaburan termasuk merumus dan memantau pelaksanaan strategi pengurusan pelaburan yang sewajarnya untuk Dana oleh Pengurus serta pengukuran dan penilaian prestasi Pengurus.

Ahli Jawatankuasa Pelaburan adalah seperti berikut:

Nama:	Yoon Mun Thim
Jawatan:	Ahli Bebas
Kelayakan:	Sila rujuk pada bahagian “Kelayakan” mengenai Yoon Mun Thim pada bahagian 8.4 di atas.
Pengalaman:	Sila rujuk pada bahagian “Pengalaman, tugas dan bidang kepakaran atau tanggungjawab di dalam Principal Malaysia” mengenai Yoon Mun Thim pada bahagian 8.4 di atas.

Nama:	Nor’ Azamin Salleh
Jawatan:	Ahli Bebas
Kelayakan:	Merupakan seorang akauntan bertauliah, Azamin memiliki Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari Australian National University dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari OU Business School, United Kingdom. Beliau menghadiri Program Pengurusan Eksekutif oleh Wharton Business School yang ternama dan Tsinghua University.
Pengalaman:	Azamin berpengalaman lebih 30 tahun dalam industri pengurusan dana dan perkhidmatan kewangan. Beliau memegang jawatan penting dalam syarikat pengeurusan aset terkemuka iaitu Maybank Asset Management Group, Asian Islamic Investment Management dan Avenue Invest Berhad. Beliau kini merupakan pengerusi dan pengasas-bersama Ficus Venture Capital Sdn Bhd, sebuah syarikat modal teroka yang berdaftar dengan SC. Beliau juga adalah pengarah bebas dalam Lembaga Pengarah Infomina Berhad.

Nama:	Wong Joon Hian
Jawatan:	Ahli Bebas
Kelayakan:	Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia serta ahli sepanjang hayat Institute of Chartered Accountants di England dan Wales.
Pengalaman:	Encik Wong berpengalaman lebih 30 tahun dalam pengauditan, perakaunan, perkhidmatan kewangan dan pengurusan korporat. Beliau pernah berkhidmat sebagai pengarah bebas bukan-eksekutif dan Pengerusi Jawatankuasa Audit Principal Malaysia dan melepaskan jawatan pengarah berkuat kuasa dari 31 Disember 2023 selepas tamat tempoh menurut piagam lembaga pengarah. Beliau memulakan kerjayanya apabila menyertai Price Waterhouse & Co. di England selepas mendapat kelayakan sebagai Akauntan Bertauliah pada 1973. Beliau kembali ke Malaysia pada 1975 untuk berkhidmat dengan Price Waterhouse (kini dikenali sebagai PricewaterhouseCoopers PLT), Malaysia sehingga 1985. Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Pengurus Teknikal Persatuan

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

	Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dari 1986 sehingga beliau dilantik sebagai Pengurus Besar – Operasi di Supreme Finance (Malaysia) Berhad pada Disember 1987. Selepas Mayban Finance Berhad menyelesaikan pengambilalihan Supreme Finance (Malaysia) Berhad pada 1991, beliau menyertai BDO Binder sebagai Prinsipal Audit sehingga 1994 apabila beliau menyertai Advance Synergy Berhad. Beliau telah dilantik sebagai pengarah urusan United Merchant Group Berhad (kini dikenali sebagai Advance Synergy Capital Sdn Bhd) pada 1995. Sepanjang tempoh dari 1995 hingga 2007, beliau adalah pengarah Ban Hin Lee Bank Berhad, Southern Investment Bank Berhad dan United Merchant Finance Berhad.
--	--

Nama:	Uday Jayaram
Jawatan:	Ahli Bukan-Bebas
Kelayakan:	Sila rujuk pada bahagian “Kelayakan” mengenai Uday Jayaram pada bahagian 8.4 di atas.
Pengalaman:	Sila rujuk pada bahagian “Pengalaman, tugas dan bidang kepakaran atau tanggungjawab di dalam Principal Malaysia” mengenai Uday Jayaram pada bahagian 8.4 di atas.

Nama:	May Tong
Jawatan:	Ahli Bukan-Bebas
Kelayakan:	May memiliki MBA dari Columbia University, ijazah Sarjana Muda dalam Kewangan dan Perakaunan dari Boston College, dan memperoleh hak untuk menggunakan gelaran Penganalisa Kewangan Bertauliah.
Pengalaman:	May adalah Pengarah Urusan dan Pengurus Portfolio di Principal Asset Allocation (PAA), unit kepakaran pelaburan khas dalam Principal Malaysia yang memberi tumpuan kepada strategi dan penyelesaian pelbagai aset. Beliau bertanggungjawab untuk menguruskan rangkaian strategi Dynamic Outcomes yang menyediakan penyelesaian berorientasikan hasil kepada pelanggan global. Sebelum menyertai Principal pada tahun 2021, May adalah SVP dan Pengurus Portfolio Kanan dengan Franklin Templeton's Investment Solutions, membangunkan kumpulan dan mengurus strategi dan penyelesaian pelbagai aset global termasuk tarikh sasaran, risiko sasaran, 529 rancangan, pendapatan peredaran dan model portfolio. Sebelum ini, beliau juga merupakan Pengurus Portfolio dan Ketua Pelaksanaan & Pengurusan Portfolio dengan kumpulan Voya's Multi-Asset Solutions. May memulakan kerjayanya dengan Merrill Lynch Investment Management dan kemudiannya menyertai ING Investment Management (sekarang Voya IM) di mana beliau menguruskan portfolio ekuiti kuantitatif dan ekuiti indeks.

Nota: Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sewanang kami di www.principal.com.my dan rujuk kepada halaman “Kepakaran dan Pengalaman”, yang dipaparkan di bawah “Mengenai Principal”.

- 7.4. Maklumat di bawah bahagian “**Pegawai Bertanggungjawab untuk Pengurusan Pelaburan Dana**” pada halaman 57 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

8.6 Pegawai Bertanggungjawab untuk Pengurusan Pelaburan Dana

Nama:	Lee Chun Hong
Jawatan:	Ketua Pegawai Pelaburan, Ekuiti - Malaysia
Kelayakan:	Sila rujuk pada bahagian “Kelayakan” mengenai Lee Chun Hong pada bahagian 8.4 di atas.
Pengalaman:	Sila rujuk pada bahagian “Pengalaman, tugas dan bidang kepakaran atau tanggungjawab di dalam Principal Malaysia” mengenai Lee Chun Hong pada bahagian 8.4 di atas.

- 7.5. Maklumat di bawah bahagian “**Penyedia Perkhidmatan Pentadbiran Dana dan Perakaunan Dana**” pada halaman 58 telah dipadam keseluruhannya.

- 7.6. Maklumat berikut telah ditambah serta-merta selepas bahagian “**Pegangan unit langsung dan tidak langsung di dalam Dana**” pada halaman 58 dan dibaca seperti di bawah:

8.10 Sorotan Kewangan

Jadual di bawah menyatakan maklumat mengenai kedudukan kewangan Pengurus berdasarkan laporan beraudit untuk lima (5) tahun lepas setakat 31 Ogos 2024. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang kami di

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

www.principal.com.my dan rujuk kepada halaman “Kepakaran dan Pengalaman” dipaparkan di bawah “Mengenai Principal”.

	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
Modal Saham Berbayar	438,000,000	438,000,000	438,000,000	438,000,000	438,000,000
Dana Pemegang Saham	615,629,483	651,312,375	661,757,701	645,470,221	601,453,922
Pendapatan	479,592,224	560,094,465	712,807,330	505,939,786	499,052,242
Untung atau rugi sebelum cukai	148,111,399	162,410,124	157,929,043	138,912,806	125,012,158
Untung atau rugi selepas cukai	146,562,080	152,682,892	145,445,326	124,712,520	117,983,701

8.0. PEMEGANG AMANAH

8.1. Maklumat di bawah bahagian “**Pemegang Amanah**” pada halaman 59 akan diganti dan dibaca seperti di bawah:

HSBC (Malaysia) Trustee Berhad adalah sebuah syarikat yang telah diperbadankan di Malaysia sejak 1937 dan didaftarkan sebagai syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949, dengan alamat perniagaan berdaftarnya di Aras 19, Menara IQ, Lingkaran TRX, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Sejak 1993, Pemegang Amanah telah memperoleh pengalaman dan pentadbiran unit amanah dan telah dilantik sebagai pemegang amanah bagi dana unit amanah, dana dagangan bursa, dana borong dan dana di bawah skim persaraan swasta.

Tugas dan Tanggungjawab Pemegang Amanah

Fungsi utama Pemegang Amanah adalah untuk bertindak sebagai pemegang amanah dan kustodian kepada aset-aset Dana dan untuk melindungi kepentingan Pemegang Unit Dana. Dalam menjalankan tugas ini, Pemegang Amanah perlu melaksanakan semua ketelitian, ketekunan dan kewaspadaan yang sewajarnya serta perlu bertindak selaras dengan peruntukan di dalam Surat Ikatan, CMSA dan Garis Panduan ETF. Selain daripada menjadi pemilik sah Aset-aset Dana, Pemegang Amanah juga bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menjalankan tugas dan tanggungjawab selaras dengan peruntukan di dalam Surat Ikatan, CMSA dan Garis Panduan ETF. Mengenai wang yang dibayar oleh pelabur untuk memohon unit-unit, tanggungjawab Pemegang Amanah akan timbul apabila wang yang diterima dalam akaun Pemegang Amanah yang berkenaan unit Dana dan untuk penebusan tanggungjawab Pemegang Amanah akan selesai apabila ia telah membayar amaun penebusan kepada Pengurus.

Pemegang Amanah telah menetapkan dasar dan prosedur pencegahan perubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan bagi seluruh Kumpulan HSBC, yang mungkin mengatasi undang-undang tempatan. Tertakluk kepada mana-mana undang-undang tempatan, Pemegang Amanah tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang disebabkan oleh pematuhan dasar-dasar tersebut, kecuali bagi kes kecuaihan, keingkaran sengaja atau penipuan oleh Pemegang Amanah.

Pemegang Amanah tidak bertanggungjawab untuk melakukan atau kegagalan untuk melaksanakan sebarang tindakan bagi tujuan mematuhi undang-undang, peraturan atau arahan mahkamah.

Pemegang Amanah berhak untuk memproses, memindah, melepaskan dan mendedahkan dari semasa ke semasa, sebarang maklumat berkaitan dengan Dana, Pengurus dan Pemegang Unit (termasuk data peribadi Pemegang Unit, yang mana berkenaan) untuk tujuan melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya selaras dengan Surat Ikatan, CMSA, Garis Panduan ETF dan sebarang tanggungjawab perundangan dan/atau berkanun seperti melakukan pengurusan risiko jenayah kewangan, kepada syarikat induk Pemegang Amanah, subsidiari, syarikat sekutu, gabungan wakil, penyedia perkhidmatan, agen dan mana-mana pihak berkuasa yang mengawalselia atau berkanun, sama ada di dalam atau di luar Malaysia (yang mungkin kemudiannya melakukan pemrosesan, pemindahan, pelepasan dan pendedahan maklumat tersebut untuk mana-mana tujuan yang dinyatakan di atas) atas dasar bahawa penerima akan terus mengekalkan kerahsiaan maklumat yang didedahkan, sebagaimana diperlukan oleh undang-undang, peraturan atau direktif, atau berkaitan dengan dengan sebarang tindakan undang-undang, atau kepada mana-mana mahkamah, agensi berkanun, badan atau pihak berkuasa kerajaan.

Wakil Pemegang Amanah

Pemegang Amanah telah melantik The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Ltd sebagai kustodian bagi kedua-dua aset tempatan dan asing milik Dana. Untuk pelaburan tempatan yang disebut harga dan tidak disebut harga, aset-aset dipegang melalui HSBC Bank Malaysia Berhad dan/atau HSBC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd. The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Ltd adalah subsidiari milik penuh HSBC Holdings Plc, syarikat induk

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

Kumpulan HSBC. Perkhidmatan penjelasan dan kustodi komprehensif oleh kustodian merangkumi pemrosesan penyelesaian dan penyimpanan tradisional serta perkhidmatan berkaitan korporat termasuk tunai dan pelaporan sekuriti, pengutipan pendapatan dan pemrosesan kejadian korporat. Semua pelaburan adalah didaftarkan di bawah nama Pemegang Amanah atau kepada arahan Pemegang Amanah. Kustodian bertindak hanya menurut arahan daripada Pemegang Amanah.

Pemegang Amanah akan bertanggungjawab untuk tindakan dan ketinggalan oleh wakilnya seperti ia adalah tindakan atau ketinggalan daripadanya sendiri.

Bagaimanapun, Pemegang Amanah tidak bertanggungjawab ke atas tindakan, ketinggalan atau kegagalan depository pihak ketiga seperti depository sekuriti berpusat, atau sistem penjelasan dan/atau penyelesaian dalam sebarang keadaan.

Pendedahan Litigasi Material Pemegang Amanah

Pemegang Amanah tidak terlibat di dalam sebarang litigasi material dan timbang tara, termasuk yang tergantung atau diancam, dan tidak menyedari sebarang fakta yang mungkin menyebabkan timbulnya sebarang prosiding yang boleh memberikan kesan material kepada kedudukan perniagaan/kewangan Pemegang Amanah.

Penyata Tanggungjawab Pemegang Amanah

Pemegang Amanah telah menyatakan kesediannya untuk meneruskan peranannya sebagai pemegang amanah Dana dan semua tanggungjawab selaras dengan Surat Ikatan, semua undang-undang dan peraturan. Pemegang Amanah akan berhak untuk diberi indemniti daripada Dana terhadap semua kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pemegang Amanah dalam menjalankan mana-mana tugasnya atau melaksanakan mana-mana kuasanya di bawah Surat Ikatan. Hak untuk indemniti tidak boleh meliputi kerugian yang disebabkan oleh pecah amanah, keingkaran sengaja, kecuaiian, penipuan atau kegagalan untuk menunjukkan tahap penjagaan dan ketelitian yang diperlukan oleh Pemegang Amanah dengan mengambil kira peruntukan Surat Ikatan.

9.0. TERMA-TERMA PENTING SURAT IKATAN

- 9.1. Perenggan pertama di bawah bahagian "**Fi dan caj maksimum yang dibenarkan oleh Surat Ikatan**" pada halaman 62 akan diganti dan dibaca seperti di bawah:

Jadual ini menjelaskan fi maksimum yang dibenarkan oleh Surat Ikatan dan perlu dibayar secara tidak langsung oleh para pelabur:

Fi	%
Fi Pengurusan	Tiada.
Fi Pemegang Amanah	Sehingga 0.20% setahun daripada NAB Dana (tidak termasuk fi dan caj sub-kustodian asing).

10.0. KELULUSAN DAN SYARAT

- 10.1. Perenggan ketiga di bawah bahagian "**Kelulusan yang diterima daripada SC dan syarat-syarat yang dikenakan**" pada halaman 68 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

SC telah, pada 18 Mac 2010 menyatakan yang ia tiada bantahan ke atas cadangan Pengurus untuk mengira IOPV seunit satu kali setiap hari selepas penutupan sesi dagangan pagi SGX-ST.

Nota: Perkara di atas tidak lagi terpakai kerana pengurus mengira IOPV Seunit hampir dengan masa nyata.

11.0. URUS NIAGA PIHAK BERKAIT/PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- 11.1. Maklumat di bawah bahagian "**Pemegang Amanah**" pada halaman 69 hingga 70 telah diganti dan akan dibaca seperti di bawah:

Sebagai pemegang amanah dan penyedia perkhidmatan kepada Dana, mungkin akan wujud urus niaga pihak berkait melibatkan atau berhubung dengan Dana dalam keadaan berikut:

- (1) di mana Dana melabur dalam instrumen yang ditawarkan oleh pihak berkait dengan Pemegang Amanah (seperti penempatan wang, sekuriti boleh dipindah, dsb)

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

- (2) di mana Dana diedarkan oleh pihak berkait dengan Pemegang Amanah;
- (3) di mana aset-aset Dana dipegang dalam kustodi oleh pihak berkait dengan Pemegang Amanah kedua-dua sebagai sub-kustodian dan/atau kustodian global Dana (cth: wakil Pemegang Amanah); dan
- (4) di mana Dana telah mendapatkan pembiayaan seperti dibenarkan oleh garis panduan SC, daripada pihak berkait dengan Pemegang Amanah.

Pemegang Amanah telah menetapkan dasar dan prosedur untuk menguruskan percanggahan kepentingan. Pemegang Amanah tidak akan menyalahgunakan kedudukannya sebagai pemilik aset-aset Dana untuk memperoleh, secara langsung atau tidak langsung, sebarang kelebihan atau menjejaskan kepentingan Pemegang Unit. Sebarang urusan niaga pihak berkait hendaklah dibuat atas terma terbaik yang tersedia untuk Dana dan yang tidak kurang menguntungkan Dana daripada urusan niaga seumpamanya dengan pihak bebas yang lain.

Tertakluk kepada di atas dan sebarang undang-undang tempatan, Pemegang Amanah dan/atau kumpulan syarikat berkaitnya boleh berurusan sesama mereka, Dana atau mana-mana Pemegang Unit atau memeterai sebarang kontrak atau urusan niaga sesama mereka, Dana atau mana-mana Pemegang Unit atau mengekalkan untuk manfaat mereka, sebarang keuntungan atau manfaat yang diperolehi daripada kontrak atau urusan niaga tersebut atau bertindak dalam kemampuan yang sama atau seumpamanya berkaitan dengan mana-mana skim lain.

12.0. MAKLUMAT TAMBAHAN

- 12.1. Perenggan ketiga di bawah bahagian "**Khidmat Pelabur**" pada halaman 76 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

Sekiranya anda ingin menghantar surat, sila alamatkan surat anda ke:

Principal Asset Management Berhad
Pusat Khidmat Pelanggan
Aras 31, Exchange 106, Lingkaran TRX
55188 Tun Razak Exchange
Kuala Lumpur, Malaysia

- 12.2. Maklumat di bawah bahagian "**Wang tidak dituntut**" pada halaman 77 telah diganti dan dibaca seperti berikut:

Sebarang cek yang perlu dibayar kepada anda yang tidak dituntut selepas sesuatu tempoh (pada masa ini lebih dari 2 tahun) akan dibayar kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut selaras dengan Akta Wang Tak Dituntut 1965.

- 12.3. Item (i) di bawah bahagian "**Perjanjian Material**" pada halaman 77 telah diganti dan di baca seperti di bawah:

Surat Iktan;

- 12.4. Item (iv) di bawah bahagian "**Perjanjian Material**" pada halaman 77 telah dipadam sepenuhnya.

13.0. KEIZINAN

- 13.1. HSBC (Malaysia) Trustee Berhad telah memberi keizinan untuk memasukkan namanya dan kenyataan dalam bentuk dan konteks yang ia dipaparkan dalam Prospektus Tambahan Kedua dan keizinan tersebut tidak ditarik balik.